

Hubungan Melayu dan Cina di Malaysia Masa Kini: Buta dengan Perubahan Realiti Sosial Negara

=====

Oleh: Mansor Mohd. Noor

ABSTRACT

This essay tried to describe the social relationship between Malay and Chinese in Malaysia nowadays. Malay and Chinese are the largest ethnic group in Malaysia. These groups influence development of nation building. Their character, values and life perspective were implemented into their social life. Political journey and political economy of the state are resultant of cooperation, contestation, and conflict between these groups. According to official report, media and political discourse, both groups are based on different based and eventually located separatedly in almost every aspect of social life. However, the gap has not broken a stability and development of the state from agricultural to industrial. The social change is demonstrated into economic development, bussiness, economic share and ethno-religion management for a peace, stability, and development. Since a social change is very incremental and evolutional instead of reformation, revolution and ethnic war, scholars and social observer are missed to observed behind ethnic, culture, ethnic gap, familiarity and life perspective. Although they are different ethnic, in aspect of perspective, attitude and character, it is exhibited getting close each other instead of different and separated.

Kata Kunci: perhubungan etnik, pembangunan bangsa, pembangunan Negara, perubahan social

I. PENDAHULUAN

Hubungan kaum di Malaysia adalah dinamik. Begitu juga halnya dapat diperhatikan dengan hubungan di antara kaum Melayu dan Cina di negara ini. Dengan memahami kedinamikan hubungan etnik di antara Melayu dan Cina di Malaysia kita dapat mengenalpasti pola, bentuk, perubahan dan masalah yang wujud di kalangan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.

Semenjak mencapai kemerdekaan 53 tahun dahulu, hubungan etnik di antara Melayu dan Cina didapati adalah baik. Namun begitu ada juga berlaku beberapa insiden salah faham di antara kumpulan-kumpulan etnik ini yang membawa kepada ketegangan sosial dan dalam kes Hartal di Pulau Pinang dan 13 Mei yang berakhir dengan pergaduhan dan konflik. Ketegangan dan konflik ini lebih diperhati-

kan berlaku di kawasan bandar berbanding dengan kawasan luar bandar dan di kawasan golongan berpendapatan rendah jika dibandingkan dengan kawasan bandar yang berada dan kelas pertengahan. Ini selari bukan sahaja dengan taburan penduduk mengikut golongan sosioekonomi tetapi juga mengikut keturunan etnik.

Dengan pola kesepaduan sosial yang terselit dengan salah faham, ketegangan dan kemungkinan konflik sosial terjadi, menjalankan kajian untuk mengukur persepsi dan hubungan etnik adalah penting bagi menjamin kesejahteraan, kestabilan dan pembangunan negara ini. Namun begitu akhir-akhir ini, persepsi masyarakat terhadap hubungan etnik di Malaysia agak negatif. Ini terbukti dengan laporan di dada akhbar, terutamanya di alam maya, kebelakangan ini terjadi perbahasan isu-isu etnik dan agama yang dilontarkan tanpa mengira punca akar umbi masalah dan kesan ke atas pelbagai kumpulan sosial, etnik dan agama dalam masyarakat yang mempunyai tahap toleransi dan sensitiviti yang berbeza-beza. Pergerakan sosial suka-relawan dan ahli-ahli politik juga didapati tidak dapat membebaskan diri mereka dari memutar-belit isu-isu keetnikan dan keagamaan di negara ini hingga, bukan menenangkan lagi suasana yang tegang, tetapi lebih menjurus ke arah mengugat kesepaduan, kestabilan dan kemajuan negara.

Untuk mengekalkan pengalaman Malaysia membina, menyubur dan mengukuh hubungan etnik yang baik, kita tidak boleh bersikap sambil lewa tetapi sentiasa memiliki kesungguhan

untuk merancang dan bertindak agar setiap rakyat pelbagai etnik diberi ruang dan akses kepada budaya demokrasi, menikmati hasil kemajuan bersama dan memastikan setiap rakyat dijamin keadilan sosial untuk diri, keluarga dan masa hadapan mereka.

Sejarah sebelum pra-penjajah telah menunjukkan kepulauan Nusantara ini, terutamanya di semenanjung Malaysia, adalah tempat pertemuan, perniagaan dan tempat berhijrah oleh pelbagai komuniti etnik, budaya dan agama dari pelbagai kepulauan di rantau ini dan dunia China, India, Arab dan lain-lain. Rumpun Melayu yang terdiri dari pelbagai suku-Melayu, Melayu, Jambi, Riau, Aceh, Minangkabau, Bugis, Jawa dan sebagainya di Nusantara ini telah menjadi payung anak watan kepada pelbagai etnik ini dengan masing-masing etnik yang berteduh di bawah payungnya juga dibenarkan untuk mengekal bahasa, budaya, agama dan kekeluargaan kumpulan mereka masing-masing.

I-Tsing menulis yang masyarakat Cina telah mempunyai hubungan perdagangan dan diplomatik dengan raja-raja di Tanah Melayu semenjak abad ke 7. Sebelum penubuhan kerajaan Melaka, tiada bukti menunjukkan wujudnya masyarakat Cina yang menetap di kawasan ini. Hanya dengan penubuhan Melaka hubungan perdagangan dan diplomatik terbina. Penempatan komuniti Cina di zaman kerajaan Melayu wujud tetapi kecil. Tetapi selepas 1870, peluang perniagaan di Asia Tenggara, Australia dan Amerika terbuka luas dengan perluasan penjajahan ke kawasan ini dan

pembangunan setempat yang semakin berkembang. Pada masa itu juga, bahagian selatan tanah besar Cina berhadapan dengan ketidakstabilan politik dan malapetaka seperti banjir dan kebuluran.

Kebanyakan komuniti Cina yang hijrah ke Tanah Melayu datang dari bahagian selatan tanah besar Cina. Mereka datang dari daerah Fukien dan Kwangtung dan terdiri dari dialek Hokkien, Kantonese, Hakka dan lain-lain. Mereka terdiri dari golongan peniaga dan kawasan ini telah mempunyai rangkaian perdagangan yang sudah lama terbina dengan Tanah Melayu. Dengan bertapaknya penjajah Inggeris di Tanah Melayu, masyarakat Cina berbondong-bondong datang untuk mencari perkerjaan dan kekayaan di sini. Ada di kalangan mereka ini yang datang untuk mengumpul harta dan balik kembali ke China tetapi menjelang Perang Dunia Kedua dan China menjadi sebuah negara komunis, ramai pula yang membuat keputusan untuk menetap di sini.

Apabila Malaysia mencapai kemerdekaan, senario Malaysia sebagai sebuah masyarakat pelbagai etnik berpayungkan anak watan terus dijadikan dasar pemerintahan, pembangunan dan pembinaan negara bangsa. Dasar pembinaan negara bangsa berteraskan integrasi, di mana identiti etnik masing-masing dikekalkan, telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan di mana beberapa hak keistimewaan telah diberikan kepada komuniti anak watan Melayu, Orang Asli dan Bumiputera dan hak-hak etnik lain yang dilindungi dijelaskan juga.

Di Malaysia konsep etnik, bukan sahaja satu kenyataan sosial dari sudut di mana ahli-ahli kumpulan etnik itu memiliki ciri-ciri bahasa, budaya, agama dan kekeluargaan yang berbeza, tetapi juga ia mempunyai nilai politik dan pentadbiran oleh kedudukan istimewa di peruntukan kepada orang Melayu dan Bumiputera secara pentadbiran dan termaktub di dalam perlembagaan negaranya. Orang Melayu, Orang Asli, Bumiputera Sarawak dan Sabah telah diberikan kedudukan keistimewaan dalam bidang-bidang tertentu seperti tanah, perjawatan di sektor awam, dalam tentera, biasiswa, lesen perniagaan, kedudukan Sultan dan lain-lain sepertimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan negeri-negeri.

Dalam suasana pensejarahan sosial negara sedemikian, memahami konsep etnik ini dari kedua-dua aras pentafsiran harian dan autoriti adalah penting. Kegagalan memahami konsep-konsep ini akan menyulit kefahaman kita tentang bentuk dan intensiti kenyataan sosial sebenar yang sedang berlaku di dalam masyarakat hingga hubungan etnik yang baik boleh dianggap buruk dan hubungan etnik yang buruk dibiarkan tanpa diurus hingga mencetus ketegangan dan kemarahan yang boleh berakhir dengan konflik berdarah di dalam masyarakatnya.

II. TINJAUAN KEPUSTAKAAN

Menguasai kerangka konseptual dan teoretikal atau tinjauan kepustakaan yang tepat sangat dituntut dalam mengkaji hubungan etnik. Kegagalan menguasai ilmu dan kemahiran

disiplin sains sosial untuk memahami realiti sosial, terutamanya di kalangan masyarakat pelbagai etnik, akan mengakibatkan 'sakit lain diberi ubat lain' sepertimana kegagalan kita memahami insiden Kampung Medan dan HINDRAF yang 'bermuka' etnik dan agama tetapi 'akar' masalahnya adalah ketidakseimbang sosial yang wujud dalam masyarakat.

Tafsiran Harian dan Autoriti

Kefahaman konsep etnik dan kepelbagaian etnik dari perspektif pentafsiran harian (*everyday-defined*) dan pentafsiran autoriti (*authority-defined*) boleh dijadikan model untuk memahami proses, tahap dan sebab-akibat yang membentuk pola dan intensiti hubungan etnik yang terjadi itu¹. Mansor² dalam penulisannya telah menggunakan ikatan individu dan ikatan kumpulan bagi membezakan bentuk dan intensiti hubungan etnik di Malaysia. Kegagalan memahami aras penganalisaan konsep etnisiti ini telah menyebabkan setiap masalah hidup dietnikkan dan setiap masalah etnik gagal dipisahkan dari punca sebab sebenarnya, yang mungkin terletak bukan di dimensi etnisiti itu sendiri, tetapi di dimensi perbezaan sosial yang lain.

Penentu Etnik, Perbezaan Sosial dan Perubahan

Setiap manusia memiliki identiti etnik masing-masing. Setiap etnik mengutamakan elemen penentu dan pemutus batas kumpulan etniknya sendiri yang telah dibentuk oleh perjalanan sejarah sosial individu dan kumpulan masing-masing itu. Memahami elemen yang dijadikan pembentukan keetnikan dan pemutus batas kumpulan etnik dalam pentafsiran harian akan menentu tahap toleransi dan sensitiviti sesuatu kumpulan etnik itu, seterusnya juga hubungan kaum di sesebuah negara itu.

Penentu ikatan etnik adalah tidak terhingga banyaknya. Penerokaan kajian lepas telah menunjukkan identiti etnik bukanlah ciri asas untuk mengenal identiti yang telah diprogramkan di dalam diri setiap individu tetapi sentiasa perlu dibina oleh tindakan-tindakan individu-individu itu semasa mereka ingin memilih untuk mengikatkan diri mereka dengan satu kumpulan atau dengan yang lain, dan menggunakan kefahaman bersama bagi menentukan individu mana dan dalam kategori sosial yang mana mereka akan mengikatkan diri mereka itu sendiri. Proses perubahan berjalan berterusan di mana ada berlaku ahli-ahli dari satu kumpulan etnik itu yang meninggalkan kumpulan etnik mereka, atau ada yang ditarik ke arah dimensi sosial yang lain, tetapi terdapat juga persaingan di antara ahli-ahli daripada kumpulan etnik lain yang akan menebalkan lagi batas kumpulannya itu.

¹ Shamsul A.B. & Sity Daud. 2006. "Nation, ethnicity, and contending discourse in the Malaysian state," in *State Making in Asia*, edited by Richard Boyd and Tak-Wing Ngo, London: Routledge

² Mansor Mohd. Noor. 2000. "Crossing Ethnic Borders in Malaysia: Measuring the Fluidity of Ethnic Identity and Group Formation". *Akademika*, 55 (Julai): 61-82

Namun begitu, tidak dapat dinafikan, kelompok-kelompok kaum sentiasa berhubungan di antara satu sama lain dan saling bercampur aduk dengan dimensi-dimensi sosial yang lain dalam mereka mengejar ganjaran material dan kedudukan sosial dalam masyarakat.

Lantaran itu masyarakat Malaysia sendiri didapati berubah secara relatif dengan pantasnya kadar pertumbuhan ekonomi dan modenisasi yang berlaku dalam masyarakat. Ini telah membina individu-individu yang berhubungan di antara satu sama lain, di sebalik kepelbagaian latar belakang etnik itu, untuk memiliki sikap saling bergantung di antara satu sama lain dengan menjadi lebih kompleks lagi. Dengan mengandikan kesetiaan etnik adalah menjadi penyebab dan penentu kepada terbinanya bentuk dan intensiti hubungan di antara kumpulan etnik yang ada di Malaysia, cara yang paling berkesan untuk mengkaji ikatan etnik ialah dengan memberi tumpuan pada bentuk dan intensiti hubungan di peringkat individu dan pada masa yang sama mencari pengaruh-pengaruh pelbagai dimensi sosial lain yang membentuk kolektif, terutamanya dimensi etnik, politik dan ekonomi dalam mereka mengejar kemajuan dan kualiti hidup yang baik.

Memahami Etnik dan Keetnikan di Malaysia

Kita mesti akur yang negara kita mempunyai rakyat yang terdiri dari pelbagai bahasa, budaya, agama dan tradisi kehidupan. Memastikan kehidupan rakyat pelbagai budaya ini hidup bersatu padu dan berintegrasi di

antara satu sama lain sentiasa perlu menjadi matlamat asas dalam mengurus negara. Hanya dengan jaminan keharmonian kaum di negara ini sahaja kita akan dapat memastikan pembangunan negara dan pembinaan negara bangsa terus maju dan terbina.

Dalam senario negara sedemikian, kita perlu terus memupuk sikap dan tindakan toleransi dan penerimaan etnik di kalangan masyarakat yang terdiri dari Melayu, Kadazan-Dusun, Bidayuh, Iban, Melanau, Bajau, Senoi, Cina, India dan 200 lebih suku etnik lain itu. Sikap dan tindakan toleransi dan penerimaan etnik perlu menjadi darah daging dan menjadi pakaian harian dalam pergaulan kita, supaya perbezaan bahasa, budaya, agama dan tradisi kehidupan diperakui, diterima dan dihormati bersama dan perkara kepentingan sama dikongsi bersama.

Kita perlu jadi kepelbagaian bahasa, budaya, tradisi hidup dan agama sebagai cara hidup kita bersama. Kita perlu memperakui, menerima dan menghormati perbezaan bahasa, budaya, agama dan tradisi hidup kerana masing-masing etnik berpegang dengan teras pembentukan berkumpulan yang berbeza. Orang Melayu, Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak, Cina dan India membina batas kumpulan mereka berdasar bahasa, budaya, agama dan tradisi hidup. Tetapi jika dibandingkan setiap kumpulan etnik ini, teras pembentukan kumpulan ini didapati berbeza daripada satu sama lain.

Tahap Keetnikan Melayu

Orang Melayu sangat sensitif jika agama mereka tidak diperakui, diterima dan dihormati oleh kaum-kaum lain. Jadi apabila kita berhubungan dengan orang Melayu, kita perlu perakui dan hormatilah tuntutan agama Islam mereka dengan memahami perkara yang dianggap haram dan amalan-amalan agama yang lain seperti makanan, aurat, solat dan tempat sembahyang seperti surau atau masjid dan sebagainya. Pantang larang agama ini penting dijaga demi mengelak salah faham dan menjaga keharmonian etnik.

Tahap Keetnikan Cina

Berbeza dengan kaum Cina, di mana perkiraan budaya, agama dan tradisi hidup tidak dijadikan teras utama dalam pembentukan kumpulan jika dibandingkan dengan penguasaan bahasa Mandarin. Jadi perakuan dan penghormatan perlu diberikan untuk mereka belajar dan mengamal bahasa Mandarin. Kegagalan seseorang Cina dalam menguasai bahasa itu akan menyebabkan identiti dan jati dirinya dimomokkan sebagai '*Cina banana*' oleh kaum sendirinya sendiri. Orang Cina yang tidak mampu untuk menguasai bahasa Mandarin dianggap seseorang yang hilang 'kecinaannya'. *Peranakan dan Babas* yang hijrah ke sini pada abad 14 dan menetap di Melaka dan Pulau Pinang atau yang tinggal di kawasan majority Melayu seperti Kelantan dan Terengganu banyak yang berhadapan dengan masalah ini.

Sebab itu dalam masyarakat Cina, bertukar agama dan mengamal

budaya asing tidak dijadikan isu dalam masyarakatnya jika dibandingkan dengan tindakan untuk menghalang dan mengharam ke atas pembelajaran dan pengamalan bahasa Mandarin. Begitulah ragam hidup rakyat Melayu dan Cina Malaysia. Banyak persamaan yang telah kita kongsi bersama tetapi perbezaan tidak pula memisahkan kita kerana perbezaan bahasa, budaya, agama dan suku kaum itu sudah diperakui, diterima dan dihormati bersama. Adalah sangat penting bagi kita memahami perbezaan dan perkongsian aspek-aspek keetnikan yang wujud di kalangan rakyat pelbagai bahasa, budaya, agama dan tradisi hidup ini.

Kerencaman Keetnikan di Malaysia

Namun begitu jika dianalisis secara mendalam setiap satu etnik di atas, gambaran yang setiap individu dalam etnik itu terikat dengan ciri-ciri utama kumpulan etnik itu hingga perbezaan yang wujud di antara mereka ada jelas untuk memisah dan mengasingkan tingkahlaku mereka di antara satu individu dalam kumpulan etnik itu dengan yang lain tidak semestinya tepat. Untuk mengelak dari terpeperangkap dengan pandangan bersifat dikotomi ini, pengkaji perlu juga mengamati perubahan sosiologikal yang telah berlaku ke atas setiap kumpulan-kumpulan etnik ini yang telah menjadi kumpulan-kumpulan etnik itu lebih bersifat rencam sosialnya atau *socially differentiated*.

Kerencaman Kelompok Melayu

Secara kasar setiap kumpulan etnik ini dapat dibahagikan kepada empat kelompok; kumpulan etnik berteras agama, berteras etnik, bahasa dan budaya, teras modenisasi dan teras etno-ekstrimis. Setiap kelompok etnik ini memiliki ciri-ciri pembentukan kumpulan yang sama dengan kelompok etnik yang lain seperti bahasa, budaya, agama, keluarga dan modenisasi tetapi setiap kelompok itu mengutamakan satu ciri yang akan menjadi pencorak tingkah laku mereka.

Bagi kumpulan etnik Melayu, empat kelompok kumpulan etniknya dapat dikenalpasti. Orang Melayu di negeri-negeri ini memiliki kesemua ciri-ciri yang dinyatakan di atas tetapi mereka akan mengukur tindakan, hasil dan kesan tingkah laku mereka berdasar kepentingan agama; apa Allah, Rasul, ulama, tuan guru, ustaz dan haji katakan menjadi rujukan utama mereka. Dalam masyarakat yang sedemikian, ciri-ciri bahasa, budaya, keluarga dan modenisasi digunakan juga dalam mengkategorikan mereka dengan kumpulan besar Melayu tetapi kepentingan ciri-ciri itu hanya menjadi pilihan mereka jika diikat dengan dimensi agama Islam itu sendiri; maju tetapi gila dunia, kaya tapi akhlak keji, utamakan 'Melayu' tetapi membelakangkan tuntutan agama Islam ditolak oleh mereka. Dalam masyarakat kelompok Melayu berteraskan agama ini, bicara harian, kehidupan, kegiatan ekonomi dan politik akan dikaitkan dengan tafsiran dan tuntutan agama; pemerintah beracuan daulah Islamiah, pembangunan Hadarah Islamiyah, undang-undang bukan sahaja sivil tetapi syariah Islam dan sebagainya.

Kelompok Melayu berteraskan agama didapati tinggal di negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Sebagai satu kawasan sosiologikal, kawasan ini dipanggil '*the Quranic Belt*' di mana jumlah penduduk di kawasan itu majoriti besarnya adalah Melayu.

Kelompok Melayu berteras etnik mengutamakan kepentingan bahasa dan budaya walaupun ciri-ciri lain juga menjadi pembentukan kelompok berteras etnik mereka itu. Individu di dalam kelompok ini amat sensitif dengan penggunaan bahasa dan budaya Melayu di peringkat komuniti dan negara. Mereka akan mempersoal jika bahasa Melayu dan budaya dipersoalkan. Ini dapat dilihat apabila Bahasa Inggeris dijadikan bahasa untuk mengajar Matematik dan Sains, di mana kumpulan yang memprotesnya dan berpendirian untuk mengubahnya balik ke pengajaran dalam Bahasa Melayu terdiri dari mereka dalam kelompok ini. Dari segi kawasan, kelompok berteras etnik Melayu ini dapat diperhatikan menetap di negeri Johor.

Kelompok Melayu berteras modenisasi juga memiliki ciri-ciri yang mengikat mereka dengan orang Melayu lain tetapi ciri bahasa, budaya, agama dan keluarga didapati nipis jika dibandingkan dengan kepentingan modenisasi seperti kemajuan, pembangunan, konsumerisme dan gaya hidup kelas menengah. Melayu berteraskan modenisasi ini dapat diperhatikan berada di negeri-negeri Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Melaka. Kawasan ini juga dipanggil sebagai '*the commercial and*

industrial area of the west coast Peninsular Malaysia’.

Manakala kelompok etno-agama ekstrimis Melayu seringkali mengembelingkan kepentingan politik Melayu dan Islam sebagai ciri-ciri utama mereka. Kelompok ini adalah kecil jumlahnya dan didapati berada bertaburan di seluruh negara. Mereka yang condong kepada etno-agama ekstrimis kebanyakannya berpendidikan akademik, aliran sains dan teknikal. Mereka suka menakutkan orang Melayu lain supaya memilih untuk bersama mereka dengan membicarakan kepupusan dan penghapusan kepentingan etnik dan agama mereka sebagai asas kewujudan mereka.

Kelompok Melayu berteraskan agama dapat didapati tinggal di negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Sebagai satu kawasan sosiologikal, kawasan ini dipanggil *‘the Quranic Belt’* di mana jumlah penduduk di kawasan itu majoriti besarnya adalah Melayu.

Kelompok Melayu berteraskan agama dapat didapati tinggal di negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Sebagai satu kawasan sosiologikal, kawasan ini dipanggil *‘the Quranic Belt’* di mana jumlah penduduk di kawasan itu majoriti besarnya adalah Melayu.

Kerencaman Etnik Cina

Kumpulan etnik Cina lebih dipengaruhi oleh nilai komersial yang dibina hasil kerjaya yang mereka ceburi dalam dunia perniagaan, pemborongan dan industri. Oleh kerana itu kelompok Cina berteraskan modeni-

sasi lebih terbina dalam komuniti Cina. Mereka mengutamakan perkiaraan untung dalam tindakan dan hubungan mereka. Mereka bukan sahaja terlibat dalam kegiatan komersial tetapi juga tinggal di bandar-bandar. Mereka tinggal di taman perumahan dan menganggotai persatuan perniagaan dan dialek-dialek mereka. Gaya hidup mereka mirip budaya hidup kelas menengah, konsumerisme dan individualistik. Ini kumpulan Cina yang memiliki ungkap *‘no money no talk’*.

Kelompok Cina berteraskan etnik yang mengutamakan bahasa dan budaya Cina terdiri dari mereka yang pendidikan persekolahan Cina dan dari keluarga yang terdiri dari mereka yang berhijrah ke Tanah Melayu dalam tahun 1920-30an. Ini terjadi kerana ‘tamunya baru’ didapati semakin ramai bilangan mereka jika dibandingkan dengan golongan Peranakan, Baba dan ‘tamunya lama’. Pengaruh untuk memastikan bahasa, budaya dan cara hidup Cina dikekalkan semakin kuat hingga institusi pendidikan, persatuan, surat khabar dan kongsi Cina banyak dibangunkan.

Kelompok Cina berteraskan etno-ideologikal ekstrisme lebih bersifat chauvanis bahasa, budaya dan ideologi komunis. Mereka ini berhijrah ke Malaysia pada awal abad ke 20 dan dipengaruhi oleh pemikiran, semangat kebangsaan dan ideologi yang sedang berjalan semasa itu di tanah besar China. Peperangan dengan tentera Jepun di China, perebutan pengaruh semangat kebangsaan di antara Koumintang dan Parti Komunis China, pertembungan dengan Jepun di Tanah Melayu dan

perancangan Komunis Antarabangsa agar Parti Komunis Malaya berkerjasama dengan pergerakan politik tempatan sebelum mengistiharkan revolusi komunis membentuk semangat etno-ideologikal komuniti Cina.

Perbincangan tentang kerencaman etnik yang wujud di kalangan pelbagai etnik di Malaysia menunjukkan kita tidak boleh melihat kumpulan etnik dalam bentuk dikotomi; terpisah dan terasing. Pengalaman hidup mereka di Malaysia yang terdiri dari pelbagai etnik, bahasa, budaya dan amalan kekeluargaan telah menyebabkan berlaku akulturasi, akomodasi dan juga asimilasi di antara kumpulan etnik yang berbeza ini. Kerencaman sosial di kalangan etnik ini juga berlaku dengan kemajuan dan mobiliti sosial yang dialami orang rakyat di Malaysia hingga lahir satu nilai dan norma hidup yang sama dan di kongsi sama di kalangan mereka. Ini melahirkan rakyat Malaysia pelbagai etnik yang rencam sosialnya; *a socially differentiated society*. Ini membuka ruang dalam masyarakat untuk mana individu untuk mengidentifikasikan dirinya berdasar pelbagai ciri seperti etnik, sosial, kelas, agama dan sebagainya. Dengan itu hubungan di antara dua individu dari kumpulan etnik yang berbeza boleh terjadi hubungan sosial dan bukan etnik kerana mereka diikat oleh dimensi sosial lain; *their relationship is a social relations*.

Kategori Hubungan Etnik di Malaysia

Kategori hubungan etnik di Malaysia dapat dibahagikan kepada lima (5) kumpulan:

Tahap Berkumpulan Keetnikan

Hubungan Melayu dan Cina di Malaysia Masa Kini...

Ada yang bermain dengan corak tingkah laku *ethnic groupies* dalam kehidupan harian terutama pada peringkat awal penghijrahan, pengajian di universiti dan bekerja di tempat baru dan dalam suasana yang mencabar. *Ethnic groupies* seperti ini merupakan satu mekanisme proses penyesuaian diri dalam suasana baru dan mencabar. Rupa paras, warna kulit, bahasa, budaya, agama, dialek dan kenegerian sering menjadi ciri-ciri persamaan yang dicari apabila hubungan dengan individu yang tidak dikenali atau semasa berada di tempat baru mahu dibina.

Tahap Kumpulan Norma Sejagat

Pembangunan ekonomi yang telah berjaya membasmi kemiskinan dan membina kelas menengah yang besar di Malaysia dari tahun 1970-2000 telah melahirkan budaya hidup komersial di kalangan rakyat pelbagai budaya, di mana aspirasi dan pandangan hidup mereka dikongsi bersama dan ini telah membina hubungan saling bergantung di antara satu sama lain hingga mewujudkan hubungan silang budaya yang melintas batas etnik. Kajian telah menunjukkan di dalam dekad 1990an batas etnik di kalangan masyarakat pelbagai budaya adalah nipis dan hubungan mereka walaupun terdiri daripada dua individu berlainan kumpulan etnik adalah berbentuk hubungan sosial; perkiraan sosial lebih diutamakan dalam tindakan mereka dan bukan etnik³.

³ Mansor Mohd. Noor and Michael Banton. 1992. "The Study of Ethnic Alignment: A New Technique and an Application in

Kepelbagaian dan ketidakseragaman hidup dari segi budaya, bahasa dan agama di kalangan rakyat Malaysia sudah boleh diterima, diperakui dan diraikan. Malahan sudah wujud ruang sosial yang luas di mana perkongsian kehidupan sudah lebih terbina di kalangan rakyat pelbagai budaya jika dibandingkan dengan perbezaan antara mereka. Jika ada perbezaan kehidupan pun, ianya sudah boleh diterima dan disepakati tanpa mempengaruhi hubungan sosial yang sudah terbina harmoni antara mereka. Struktur hubungan etnik di Malaysia di tahap ini lebih dipengaruhi oleh kumpulan-kumpulan etnik yang batas mereka nipis dan hubungan antara mereka berdasarkan perkiraan non-etnik. Hubungan etnik di tahap ini lebih bersifat utilitarian dan mengikat mereka dalam jalinan silang budaya; merentas batas etnik dan agama masing-masing.

Tahap Kumpulan Manipulasi Etnik

Kumpulan manipulasi etnik ini berselindung di sebalik wacana etnik dan keetnikan demi menjadikan agenda kepentingan material mereka sendiri sebagai agenda kumpulan etniknya. Seringkali ciri-ciri bahasa, budaya, agama dan kedudukan kumpulan etnik mereka dijadikan bahan retorik mereka untuk memastikan ahli-ahli kumpulan etnik mereka yang lain jadikan juga agenda mereka sebagai agenda kolektif bersama. Pada hal setelah tuntutan itu dipersetujui bersama, golongan sosial tertentu di kalangan kumpulan etnik

mereka, terutama yang kaya dan berkuasa, akan lebih berkesampaian kepada sumber dan ganjaran material yang telah diputuskan itu.

Dalam masyarakat pelbagai etnik di Malaysia, barisan pemimpin yang manipulasi etnik ini akan pertahankan biasiswa, kemasukan ke universiti, projek ekonomi, bantuan model, tender-tender kerajaan dan sebagainya untuk kaum etnik itu tetapi golongan dan kunci-kunci tertentu dari kumpulan etnik itu yang sering kali diberikan kemudahan itu. Ahli-ahli kumpulan etnik mereka yang layak tetapi tidak mempunyai kabel untuk memperolehi bantuan dan projek ini akan terlepas dari dipilih.

Tahap Kumpulan Persaingan Negara Idaman

Ada pula kumpulan-kumpulan etnik ini yang masih mencari-cari akan identiti bangsa dan negara yang diinginkan hingga tugas pembentukan negara dan negara bangsa, yang sudah diletakkan batu asasnya oleh perjuangan kemerdekaan, menjadi kabur dan tidak terbina secara consensus, terutamanya tentang isu kontrak sosial berdasar sejarah dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dari satu segi, perbahasan tentang isu-isu ini adalah perkara biasa kerana struktur umur dan pendidikan rakyat telah berubah.

Namun begitu laungan Ketuanan Melayu di kalangan UMNO, ketuanan Islam di kalangan PAS, ketuanan Melayu Raya di kalangan golongan sosialis sekitar tahun 50an hingga 60an, dan Malaysian Malaysia di kalangan DAP

Malaysia," *Ethnic and Racial Studies*, 15(4):599-613.

terus dibahas demi memastikan kepentingan kumpulan etnik masing-masing terbelas kedudukan dan masa hadapan mereka.

Perbincangan negara idaman ini akan terus berjalan dan dibahasakan hingga keadilan bersama boleh dirasai oleh setiap kumpulan etnik di negara ini.

Tahap Kumpulan Etno-Agama Sempit

Namun begitu yang paling menakutkan masih ada individu di kalangan etnik Melayu, Cina, India, Kadazan-Dusun, Iban-Bidayuh dan lain-lain etnik yang bermain dengan sentimen etnik dan agama yang sempit dan ekstrimis. Kelompok etnik serpihan ini perlu dikenal pasti jika tindakan ekstrimisme dan kecenderungan ke arah keganasan ingin ditangani.

III. METODE PENELITIAN

Data yang digunakan di dalam artikel ini di ambil dari beberapa kajian yang dijalankan dari tahun 1990 hingga 2010. Responden yang digunakan untuk dianalisis dalam kesemua kajian-kajian tidak terdiri dari responden yang sama. Malahan responden yang dikaji terdiri dari beberapa kelompok sosial seperti penghuni taman perumahan, mahasiswa di universiti, pekerja kilang, komuniti di bandar, pelatih PLKN, kawasan Skim Rukun Tetangga dan sebagainya. Kawasan kajian juga berubah-ubah dari hanya satu kawasan, meliputi semenanjung, Malaysia Timur dan juga Negara ASEAN.

Saiz responden yang dikaji juga berubah-ubah dari 300 hingga 3000

responden. Responden yang dikaji meliputi Melayu, Orang Asli, Bumiputera Sarawak dan Sabah, Cina dan India. Untuk artikel ini hanya data Melayu dan Cina dibentangkan sahaja.

Dalam analisis ini pengaruh etnik dan norma sejagat dilagakan untuk mengukur dimensi manakah yang secara relatif lebih mempengaruhi ke atas pilihan tindakan seseorang itu. Dimensi etnik diwakili oleh nama bersifat etnik dan norma sejagat diwakili tiga dimensi, iaitu, kepentingan peribadi berbentuk material (SIMK), kepentingan peribadi berbentuk status sosial (SISK) dan kepentingan peribadi berbentuk ikatan sosial (SIPO).

Untuk mengukur pengaruh etnik ke atas tingkah laku responden yang dikaji, pendekatan sosial antropologi adalah yang terbit. Dalam pendekatan kajian sedemikian, pengkajian akan tinggal di kawasan kajian dan bergaul mesra dengan para respondennya. Hubungan yang mesra telah terbina di antara mereka hinggakan pelbagai teknik digunakan untuk memahami realiti sosialnya. Bermula dengan pemerhatian seharian, ke interbiu tidak berstruktur melalui perbualan di warung kopi dan di wakaf hinggalah ke interbiu berstruktur melalui penggunaan soalselidik telah pun digunakan.

Kajian ini lebih bersifat menggunakan teknik soalan berstruktur tetapi tidak seperti lazimnya dengan membentuk soalan secara *direct* seperti 'identiti etnik kamu tebakah', 'adakah kamu tidak akan menolong anak kepada seorang etnik Melayu yang meningkatkan prestasi mata pelajaran Bahasa Inggerisnya' dan

sebagainya. Setiap responden itu didapati akan menyembunyi sikap dan tingkah laku yang sebenarnya apabila ditanya soal seterusnya terang itu. Permasalahan ini lagi akan terjadi, jika responden dan penemubual itu terdiri dari etnik yang berbeza; kesan *social desirability*.

Untuk mengelak pengkaji terperangkap dengan masalah *social desirability* ini, pengkaji telah membentuk soalan melalui teknik keadaan sosial hipotetikal seperti ke 'kedai runcit', 'melawat ke zoo', 'meninggal kunci dengan jiran' dan sebagainya. Untuk mengelak responden dari memberi alasan yang keadaan sosial itu tidak dialaminya, maka soalan tidak dituju terus kepada responden seperti 'kedai runcit Ahmad atau Ah Boon yang anda akan pergi membeli' dan sebagainya tetapi soalan-soalan ini dibentuk dengan mengikatkannya kepada satu aktor seperti 'Husin Ali', 'Mustapha', 'Lim Lam Seng' atau 'Ramachandran Naidu'. Aktor-aktor adalah satu rekaan dan berperanan untuk mengikut soalan-soalan hipotetikal itu supaya sentiasa relevan dengan responden dikaji itu. Dalam instrumen ini responden tidak dikehendaki memberi persepsinya terhadap soalan-soalan ini tetapi memilih tindakan bermatlamat yang akan dibuat olehnya. Mungkin ada yang tertanya, adakah responden yang dikaji itu akan menjawab soalan yang dituju kepada seorang aktor lakonan itu kerana mereka tidak mengenalinya. Berdasar pengalaman hampir tiga puluh tahun, instrumen ini tidak menimbulkan permasalahan bentuk ini kerana

responden akan menjawab berdasar pengalaman hidupnya.

IV. HASIL PENELITIAN DAN PEMBAHASAN

Pola Ikatan Sosial 1990-2010


Mengikut pola ikatan sosial berdasar dimensi kepentingan peribadi berbentuk material, status sosial dan tuntutan sosial peribadi bagi responden Melayu dan Cina, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa persamaan pola tingkah laku di antara Melayu dan Cina dapat diperhatikan dalam tahun-tahun yang dikaji itu. Melayu dan Cina didapati dipengaruhi oleh kepentingan peribadi berbentuk tuntutan peribadi sosial, material dan status. Ikatan peribadi tuntutan peribadi sosial dan material didapati lebih terbina secara relatif jika dibandingkan dengan status. Kepentingan peribadi berbentuk status masih didapati dipengaruhi oleh perkiraan status dan juga etnik. Jika diperincikan ketiga-tiga dimensi ini, aspek ekonomi, politik dan agama didapati masih sensitif dalam mempengaruhi tingkah laku etnik mereka. Keseluruhannya, pola tingkah laku responden dikaji dalam instrumen ikatan sosial ini menunjukkan perkiraan sosial lebih dipengaruhi oleh perkiraan etnik; batas etnik mereka ada tetapi nipis.

Menganalisis Indeks Ikatan Sosial

Indeks minimum diperhatikan adalah 0.43 dan tertinggi adalah 1.45 dari tahun 1990-2010. Nilai indeks ini menunjukkan pemilihan sosial

berkemungkinan terjadi di dalam kedua-dua kumpulan etnik Melayu dan Cina. Secara relatif dengan etnik

Cina, pilihan sosial etnik Melayu didapati lebih terbina dalam tahun-tahun yang dikajikan itu.



Indeks Ikatan Sosial 1990-2010

Tahun	Indeks	Tahun	Indeks
1990	0.70	2001	0.51
1993	1.45	2005	0.45
1995	0.89	2006	0.43
1996	1.06	2007	0.96
1998	0.74	2009	0.70
1999	0.68	2010	0.70
2000	0.71		

Implikasi Kajian Ikatan Sosial

Pilihan etnik sebagai pengaruh sosial ke atas tingkah laku etnik Melayu dan Cina masih ada tetapi kepentingan itu sering kali dikorbankan demi mengejar perkiraan keuntungan material, status dan tuntutan sosial

peribadi. Ini bermakna batas etnik mereka adalah nipis.

Kenipisan batas kumpulan ini akan membolehkan individu-individu dari etnik berbeza ini untuk berhubungan dengan individu-individu dari kumpulan etnik yang lain. Apabila individu-individu dari

berlainan etnik mempunyai peluang dan keuntungan untuk membina hubungan rentas kumpulan, ikatan sosial rentas kumpulan akan terbina di antara individu-individu ini. Dengan bertambah bentuk dan intensiti ikatan sosial ini, kesepaduan sosial di dalam masyarakat dan di antara kumpulan pasti akan berlaku.

Walaupun hubungan rentas dan ikatan sosial rentas kumpulan didapati terbina, apabila individu-individu ini berhadapan dengan ketidakseimbangan dalam aspek politik dan ekonomi, parameter etnik mereka akan digembelikan. Jika risiko etnik di dalam masyarakat itu berterusan, batas etnik mereka akan menjadi tebal.

Batas etnik menebal akan menyebabkan ikatan dan hubungan sosial rentas kumpulan akan berkurangan hingga kesepaduan sosial menjadi renggang. Kurangnya terdedah individu sesuatu etnik dengan individu dari etnik lain akan menyebabkan mereka jahil dengan sentiment dan tindakan individu dari etnik lain. Kejahilan ini akan menimbulkan salah faham yang boleh membawa kepada ketegangan, stereotaip etnik, etnosentrik, prejudis dan tindakan diskriminasi terhadap individu-individu dari kumpulan etnik lain. Masyarakat pelbagai etnik yang memiliki ciri sosial sedemikian adalah rapuh hubungan etniknya; wujud *bobby trap*.

Namun begitu kita mesti berwaspada apabila indeks itu menurun atau menandakan pilihan etnik didapati semakin meningkat relatif dengan pilihan sosial. Oleh kerana dari segi kerangka konseptual, etnik boleh menjadi sebab dan akibat, dan indeks dikaji ini pula menunjukkan pilihan sosial mengatasi pilihan etnik, ini menjadikan berkemungkinan besar peningkatan pilihan etnik itu terjadi lebih bersifat penggembelikan etnik apabila berhadapan dengan situasi berisiko daripada faktor etniknya; perlu apa stimuli di dalam masyarakat yang berisiko itu.

Indeks dikaji menunjukkan penurunan belaku apabila negara berhadapan dengan pilihan raya dan krisis ekonomi. *A sense of increasing insecurity* terjadi di kalangan responden dikaji oleh kerana berlaku pesaingan di antara individu dan kumpulan etnik dalam dua aspek itu. Tetapi didapati etnik Cina lebih terasa risiko etnik dalam kedua-dua aspek ini jika dibandingkan dengan Melayu. Ini mungkin terjadi oleh kerana perbincangan politik lebih mengukuhkan kedudukan etnik Melayu daripada Cina terutama dengan didokong lagi oleh Perlembagaan dan pentadbiran negara. Begitu juga apabila berhadapan dengan krisis ekonomi, etnik Cina akan lebih terkesan oleh krisis itu daripada Melayu dan ini tambah lagi dengan

laungan oleh politik Melayu yang program pemulihan keusahawan dan industri kecil yang dijalankan itu dianggap hanya menguntungkan satu etnik sahaja. Di sebalik kewujudan rasa risiko etnik ini, penurunan keluk dan indeks berlegar sekitar paras 50 peratus. Pola peratusan sedemikian menunjukkan persaingan wujud di antara etnik dan boleh menegang suasana hubungan etnik tetapi tidak cukup kuat untuk memercipkan api keganasan etnik; *no fire sparked and no bomb exploded*.

Penemuan yang terpenting dari kajian *time series* ini adalah di mana norma sejagat di antara Melayu dan Cina bermula terpisah sedikit dalam tahun 1990, namun begitu kajian pada tahun-tahun kemudian telah menunjukkan pola itu merapat dan menjadi sama, terutama sekitar tahun 2005-2007. Ini bermakna etos komersial yang terbina dengan etnik Cina didapati terbentuk juga di kalangan etnik Melayu. Hal yang sama berlaku dengan etnik Cina dalam dimensi tuntutan ikatan peribadi, di mana etnik didapati lebih terbina dalam aspek ini tetapi indeks menunjukkan perubahan juga telah berlaku kepada etnik Cina.

Indeks ini menunjukkan individu dikaji masih bermain dengan keetnikan tetapi norma sejagat didapati lebih berpengaruh ke atas tindakan mereka. Terdapat juga individu dikaji yang memanipulasi etnik untuk mendapat akses kepada

sumber material dan darjat sosial dalam masyarakat terutama dalam aspek persaingan politik dan ekonomi. Tidak dinafi juga wujud sekumpulan kecil yang melihat hubungan di antara individu dari pelbagai etnik berdasar perbezaan etnik dan agama. Jika kelompok ini tidak diawasi, tindakan cenderung ke arah etno-agama boleh terjadi.

Keseluruhan dapat dirumuskan. Ikatan dan hubungan sosial di antara individu dari kumpulan etnik di Malaysia mungkin lebih tertonjol perbezaan keetnikannya, tetapi data dikumpul menunjukkan hubungan mereka lebih bersifat sosial daripada berbentuk hubungan etnik. Dimensi kategori sosial selain etnik didapati membentuk hubungan dan intensiti pertalian di antara mereka. Masyarakat pelbagai etnik Malaysia sudah lebih bersifat *socially differentiated*, di mana perbezaan sosial dan bukan perbezaan etnik yang perlu menjadi kerangka konsep menganalisis negara kita.

DEB dan Transformasi Sosial di Malaysia

Ekonomi negara selepas mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957 adalah berteraskan pertanian sara diri. Orang Melayu banyak terlibat dalam sektor ini. Orang India pula banyak dibawa masuk dari India untuk menjadi penoreh getah di ladang getah yang dimiliki oleh pemilik asing. Manakala orang Cina terlibat dengan kegiatan pelombongan biji

timah dan menjadi peniaga di bandar. Namun begitu pemilikan terbesar perlombongan biji timah dan industri di negara ini berada di bawah ekuiti pelabur asing. Dasar perindustrian negara pada dua dekad awal setelah negara mendapat kemerdekaan adalah dengan memberi keutamaan kepada industri gantian impot. Namun begitu kebanyakan pemilik industri gantian import ini adalah juga pemilik asing.

Setelah sepuluh tahun mencapai kemerdekaan, masyarakat yang diasaskan berdasar kepentingan pasaran dan pemilikan pemilik asing mula menunjukkan keretakan setelah pembangunan yang dijalankan itu telah membawa kepada ketidaksamarataan, kemunduran, kemiskinan dan kepinggiran di antara etnik dan wilayah. Kepincangan pembangunan ini telah menyubur batas etnik Melayu yang merasakan mereka telah miskin di negara sendiri. Walaupun orang Cina dan India berkedudukan sosio-ekonomi yang lebih baik daripada orang Melayu, mereka juga merasakan pembangunan negara tidak mengubah kehidupan mereka juga, terutamanya di kalangan golongan berpendapatan rendah di bandar dan miskin di estet-estet. Rakyat juga mendapati pihak kerajaan lebih mendokong kehendak pemilik asing dan perkiraan pasaran hingga membawa kepada keinginan rakyat tanpa mengira etnik untuk merubah politik *status quo* pada masa itu. Setelah rusuhan kaum pada tahun 1969 berlaku, beberapa pengukuhan dan perubahan dasar-dasar awam kerajaan telah dilakukan.

Selepas rusuhan etnik Mei 1969, konsep perkongsian kuasa politik

telah diperluaskan apabila Parti Perikatan telah digantikan dengan Barisan Nasional dan ditambah jumlah parti-parti politik lain sebagai ahli komponen barunya. Penekanan kepada pembangunan ekonomi dengan pengagihan melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru juga telah dijadikan dasar pembangunan negara. Pengstruktur semula masyarakat agar kegiatan ekonomi tidak dicorak oleh batas etnik dan kemiskinan dijadikan objektif utama Dasar Ekonomi Baru. Dengan pembasmian kemiskinan, pemodenan masyarakat desa dan kemasukan pelaburan asing dalam industri elektronik, industri berat dan pengeluaran kepenggunaan harian telah memberi kesan besar ke atas perubahan stratifikasi sosial dalam negara hingga ke hari ini. Rakyat Malaysia dari pelbagai etnik didapati telah mengalami mobiliti sosial di mana golongan miskin telah mengecil dari tahun 1970 dengan 60 peratus ke hanya 5 peratus dalam tahun 2008 dan kelas menengah pula, tanpa mengira etnik, telah berkembang dengan pesat dan bertambah besar jumlah saiznya.

Namun begitu, kita gagal mengenalpasti dan memahami perubahan sosial yang sedang melanda negara; kesan dari pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan pertumbuhan ekonomi kepada dua angka kadar pertumbuhan ekonomi sepanjang dekad 80an dan 90an. Negara kita dalam tahun 90an dilanda perubahan sosial yang ketara serta memberi impak besar ke atas kehidupan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Pasca 90an membuka hubungan reruang dengan taburan

rakyat pelbagai etnik dan agama telah banyak berubah dan pindah randah melintas batas negeri ke pusat pertumbuhan baru. Sebelum 90an orang Melayu berada di desa, Cina di bandar dan India di estet-estet.

Selepas 90an pula orang Melayu telah berpindah dari desa ke bandar, kegiatan bertani ke pegawai kerajaan dan dunia perniagaan dan terkeluar dari rata-rata golongan miskin ke kelas pertengahan di bandar-bandar besar. Orang Cina didapati masih kekal di bandar-bandar besar tetapi banyak juga yang telah berhijrah untuk membuka perniagaan dan industri kecil sederhana di kawasan pertumbuhan baru seperti Kemaman-Kertih, Pasir Gudang dan bandar-bandar lain di Malaysia. Manakala orang India yang paling teruji dengan transformasi pembangunan negara ini. Estet-estet di pinggir-pinggir bandar telah dijadikan kawasan pertumbuhan baru dan taman rumah kediaman. Beratus ribu penduduk India terpaksa berpindah ke bandar dengan tahap pendidikan dan kemahiran kerja yang rendah. Kelompok komuniti India di bandar pula, sesetengah sub-etnik India telah mengalami mobiliti seperti Tamil Sri Lanka, Sikh dan mereka yg terlibat dalam perniagaan. Tetapi yang jelas kumpulan sub-etnik Tamil dan Telegu yang berkerja dan keluar dari estet, Kereta Api Tanah Melayu dan Jabatan Kerja Raya telah terperangkap dengan putaran ganas kemiskinan dan kemiskinan bersifat warisan.

Dasar Ekonomi Baru didapati telah berjaya merubah landskap negara hingga rakyatnya bukan sudah berpindah randah dari bukan sahaja dari segi fizikal tetapi juga mobiliti

sosial dan menipis batas etniknya. Walaupun golongan kelas menengah memiliki norma perbezaan sosial yang recam, namun begitu pembangunan yang tidak seimbang telah melahirkan kelompok sosial yang miskin dan terpinggir hingga melahirkan sikap tidak senang hati mereka terhadap kerajaan.

Bentuk Perhubungan Kaum di Malaysia

Secara kasarnya, perubahan struktur sosial ini memberikan kesan positif ke atas hubungan kaum di Malaysia dengan terbinanya rakyat Malaysia yang memiliki norma sejagat di kalangan mereka hingga batas etnik menjadi nipis dan sekunder. Namun di sebalik transformasi sosial ini, rakyat Malaysia didapati masih membina identiti etnik masing-masing dan ianya berfungsi sebagai mekanisme pengukuhan emosi kumpulan apabila berada di kawasan penempatan baru dan berhubungan dengan individu etnik lain yang mereka tidak kenal.

Di samping kumpulan norma sejagat ini, wujud juga golongan yang menjadikan pengembelian parameter batas etnik sebagai teras tingkah laku mereka. Golongan peniaga dan usahawan Melayu dan Bumiputera mengembelian batas etnik untuk memastikan kegiatan ekonomi yang diagih oleh pihak kerajaan akan jatuh ke tangan mereka. Golongan peniaga dan usahawan Cina dan India pula akan memilih untuk berkerjasama dengan usahawan Melayu dan Bumiputera yang mendapat sokongan dari kerajaan. Manakala golongan bukan Melayu yang gagal mendapat manfaat dari

dasar ini merasakan mereka dipinggirkan oleh dasar yang dianggap bersifat pilih kasih mengikut etnik.

Persaingan dan pengembelangan di antara etnik juga telah melahirkan perbincangan politik hingga wujud kumpulan yang suka membicarakan konsepsi negara idaman berdasarkan ketuanan etnik masing-masing seperti Melayu dengan ketuanan Melayunya, Melayu yang condong keIslamannya dengan negara Islamnya dan Cina dengan Malaysian Malaysianya. Ada juga kumpulan etnik ini yang memilih jalan ekstrimis dengan memperjuangkan bahasa, budaya dan agama sebagai batas pemisah perkauman di antara mereka. Namun begitu kestabilan politik dan pembangunan yang dialami di negara ini telah berjaya membendung kecenderungan ekstrimisme dan keganasan etnik yang boleh merosakan hubungan etnik yang harmoni di negara ini.

Keetnikan dan Konflik Sosial di Malaysia

Semasa negara berhadapan dengan kelembapan dan krisis ekonomi seperti dalam tahun 1984, 1997 dan 2007, kerapuhan hubungan etnik yang terjalin berdasarkan pembangunan ekonomi mula terserlah dengan berlaku perbincangan yang sering ditafsir dengan kenyataan berbau keetnikan dan berlakunya beberapa konflik sosial yang merentas batas etnik seperti di Kampung Rawa pada tahun 1978 dan Kampung Medan pada tahun 2001. Namun begitu, apabila ekonomi negara kembali pulih, hubungan kaum menjadi baik kembali dan pengembelangan parameter etnik dalam aspek politik

didapati kendur semula dan masyarakat kembali stabil dan harmoni.

Semenjak tahun 2006, negara menjadi hangat kembali dengan isu agama dan budaya politik yang mengembelikan parameter batas etnik sebagai jalan penyelesaiannya. Ada pemimpin mahu agama dipisahkan daripada sistem persekolahan dan dialog antara agama diformalkan. Kumpulan etnik Melayu dan Islam menolak desakan-desakan ini. Malahan perbezaan budaya dan agama di antara kumpulan sering memanaskan hubungan etnik di Malaysia kerana banyak isu lapuk tidak diselesaikan secara perundangan seperti kes murtad, perkahwinan di antara agama dengan kedudukan status anak bagi mereka yang baru memeluk dan yang keluar dari Islam. Masalah agama yang melibatkan pelbagai agama dan etnik ini perlu segera diurus bagi mengelak dari menjadikan salah faham terus menerus terjadi kerana akhirnya ia akan melahirkan persepsi negatif terhadap mereka yang terlibat di dalam masyarakat.

Pemikiran Kritis untuk Ungkai Persepsi Perhubungan Kaum di Malaysia

Persoalan-persoalan yang kritis perlu diketengahkan apabila isu etnisiti digunakan di dalam pembentukan teori dan konsep di mana selama ini ia sering disifatkan sebagai sesuatu yang tidak boleh diubah. Konsep dan teori yang digunakan mestilah dihubungkan dengan pengamatan di alam nyata dan jangan sekali-kali terperangkap dengan tanggapan yang kerangka konseptual dan teoritikal itu adalah satu kenyataan.

Penemuan kajian Mansor⁴ menafikan pandangan Miles yang mendakwa pengajian sosiologi tentang hubungan etnik dan ras terpaksa menerima teori mengenai etnik dan ras sebagai satu perkara yang pasti berlaku di alam nyata; kerana itulah kebenarannya. Kegagalan untuk mengenal pasti pengaruh-pengaruh penting yang lain telah menutup pandangan kebanyakan para akademik kepada cara orang dari kaum Melayu, orang Asli, Bumiputera, Cina dan India yang semakin hari semakin dipengaruhi sikap dan tingkah laku mereka oleh ruang norma sejagat yang berbentuk bukan etnik.

Ahli-ahli sosiologi selalunya lebih berminat kepada perubahan-perubahan sosial yang besar dan telah gagal untuk menerima teguran Barth untuk mengkaji proses-proses yang berbeza-beza yang terjadi dalam proses pembentukan dan pengekaln kumpulan-kumpulan etnik. Cox berhujah yang "...hubungan ras tidaklah kita fahami sebagai semua perhubungan sosial di antara orang daripada pelbagai ras tetapi hanyalah hubungan tertentu di mana ciri-ciri sosialnya telah ditentukan oleh kesedaran perbezaan kaum. Dua orang dari kumpulan ras yang berbeza boleh membina hubungan yang tidak bersifat ras". Mengkaji syarat-syarat bagaimana hubungan bentuk sedemikian itu boleh dicapai akan mengarahkan kita kepada bentuk strategi dan pelaksanaan program tentang

bagaimana kita dapat mengurangkan ketegangan ras dan etnik itu.

Untuk memerhati keadaan ini, penumpuan kajian perlu diberikan bukan sahaja dengan mengkaji ciri-ciri dalaman dan sejarah pelbagai kumpulan yang berbeza tetapi juga dengan mengkaji proses pembentukan, pengurangan atau pengekaln batas etnik. Manfaat kepada pendekatan dari bawah ke atas ini telah dibuktikan oleh penemuan kajian Mansor di sepanjang dekad tahun 1990an di mana kaum etnik yang dikaji didapati telah mempunyai sentimen dan kepentingan yang sama kerana dipengaruhi oleh norma sejagat seperti kepentingan material, status sosial, ikatan sosial dan keterikatan dengan unit politik kenegaraan.

Kita perlu sentiasa sedar yang dimensi etnik adalah hanya satu daripada pelbagai dimensi sosial yang ada dalam kehidupan manusia dan bermasyarakat seperti status sosial, kelas, agama, wilayah, kasta dan lain-lain yang juga sering digembelingkan semasa berhubungan dan bersaing dengan individu-individu dari kumpulan etnik lain.

V. PENUTUP

Dapatan kajian ikatan sosial di atas juga disokong oleh dapatan instrumen lain yang dibentuk seperti identiti etnik, interaksi sosial, toleransi etnik, stereotaip etnik, etos kebangsaan dan bangsa. Hubungan Melayu-Cina adalah baik, batas etniknya menipis, dan mereka didapati telah membina ikatan dan hubungan sosial yang sudah merentas kumpulan etnik masing-masing. Hubungan mereka berdua, sebagai individu dan kumpulan, adalah lebih

⁴ Mansor Mohd Noor . 1992. *Opcit*; Mansor Mohd Noor et al. 2009. *Kajian Persepsi Hubungan Etnik Di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

bersifat hubungan sosial jika dibandingkan dengan yang selalu yang dipanggil hubungan etnik.

Dengan terbinanya ikatan dan hubungan sosial rentas kumpulan, kesepaduan sosial lebih terbina di kalangan rakyat pelbagai etnik dari gambaran ketegangan dan konflik. Global Peace Index meletakkan Malaysia di anak tangga 22 sedunia pada tahun ini dan Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional mendapati indeks perselisihan etnik hanya berada pada tahap 2 peratus per 1000 penduduk.

Ini bermakna realiti sosial hubungan etnik di Malaysia adalah lebih baik jika dibandingkan dengan persepsi negatif yang ingin dipaparkan oleh para politik, media

dan bloggers. Namun begitu, kesan positif pendidikan, modenisasi dan pembentukan kelas budaya kelas menengah di kalangan rakyat pelbagai etnik ini jangan dianggap sambil lewa kerana lagi pantas negara kita membangun lagi membesar jurang di antara yang kaya dan yang miskin. *The socio-economic losers* akan menjadi kritikal dan anti-pemerintah, hingga jika diurus risiko kehidupan mereka boleh bertukar menjadi konflik etnik dan agama. Sikap berwasapada dengan kemungkinan ini perlu ada pada diri kita, jika kestabilan politik dan kemajuan yang dicapai ini ingin dikekalkan dan ditingkatkan.

DAFTAR KEPUSTAKAAN

- Banton, Michael P. 1983. *Racial and Ethnic Competition*, Cambridge: Cambridge University Press
- Banton, Michael. 1997. *Ethnic and Racial Consciousness*. Longman Publishing Group
- Malesevic, S. 2004. *The Sociology of Ethnicity*". London: SAGE Publications Ltd.
- Mansor Mohd Noor et al. 2009. *Kajian Persepsi Hubungan Etnik Di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
- Mansor Mohd Noor et al. 2008. *Kajian Peningkatan Hubungan Kaum di Institut Pengajian Tinggi Awam*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi
- Mansor Mohd. Noor, Abdul Rahman Aziz dan Mohammad Ainuddin Iskandar Lee. 2006. *Hubungan Etnik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Prentice Hall Malaysia
- Mansor Mohd. Noor. 2000. "Crossing Ethnic Borders in Malaysia: Measuring the Fluidity of Ethnic Identity and Group Formation". *Akademika*, 55 (Julai): 61-82
- Mansor Mohd. Noor and Michael Banton. 1992. "The Study of Ethnic Alignment: A New Technique and an Application in Malaysia," *Ethnic and Racial Studies*, 15(4):599-613.
- Shamsul A.B. & Sity Daud. 2006. "Nation, ethnicity, and contending discourse in the Malaysian state," in *State Making in Asia*, edited by Richard Boyd and Tak-Wing Ngo, London: Routledge

Malay and Chinese are the largest ethnic group in Malaysia. These groups influence development of nation building. Their character, values and life perspective were implemented into their social life.

Political journey and political economy of the state are resultant of cooperation, contestation, and conflict between these groups. According to official report, media and political discourse, both groups are based on different based and eventually located separately in almost every aspect of social life referred to Furnivall's plural society. Dhongzhu, DAP, Chinese Chamber of Commerce, Chinese newspaper, including MCA always play interest of Chinese language, culture and economy. This is also the case in Malay context who still crying a slogan of Malay imperium, Daulah Islamiyah, keris, PERKASA and Malay monarchy. However, the gap has not broken a stability and development of the state from agricultural to industrial. The social change is demonstrated into economic development, bussiness, economic share and ethno-religion management for a peace, stability, and development. Since a social change is very incremental and evolutionary instead of reformation, revolution and ethnic war, scholars and social observer are missed to observed behind ethnic, culture, ethnic gap, familiarity and life perspective. They observed already developed a relation accross groups and ethnic. It is not permanent relation but merely daily social relation. In this form, life norm is shared together, a sense of similarity is exist. Although they are different ethnic, in aspect of perspective, attitude and character, it is exhibited getting close each other instead of different and separated. Malaya and Chinese are more like "*tongue wagging but not parang wagging, we talk conflict but live cohesion*". By understanding a format and change of Malay Chinese relationship will bring us to feel a harmony and unity of the nation. A *Time bomb* that showed 30 years ago still not blown yet, although the book is written again.